



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 10 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Stor haram simpan, edar LPG diserbu

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) menyerbu sebuah premis diisyaki dijadikan stor haram tempat menyimpan dan mengedar gas petroleum cecair (LPG), di Kawasan Perusahaan Sungai Lalang, Sungai Petani, Kedah, Ahad lalu.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata KPDN sekali gus membuat rampasan dianggar kan bernilai RM23,000 dalam serbuan itu yang dijalankan selepas menerima aduan orang awam berhubung berat isi padu gas diisyaki kurang daripada yang sepatutnya.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan ke atas premis itu menemui 675 tong gas yang berisi dengan tong kosong pelbagai jenama di dalam dua lori dan rak.

“Hasil pemeriksaan awal juga mendapati premis terbabit tidak mempunyai lesen borong atau runcit yang sah mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

“Penguat kuasa KPDN menyita 94 unit tong gas pelbagai jenama berkapasiti 14 kilogram (kg) dan 12kg, sebuah lori serta beberapa dokumen perniagaan lain bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana menyimpan barang kawalan di premis yang tidak dilesenkan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Seterusnya, Armizan berkata, seorang lelaki berusia 42 tahun dipercayai pemilik premis berkenaan turut ditahan bagi membantu siasatan.

“KPDN memberi amaran kepada mana-mana individu atau syarikat berkaitan agar sentiasa mematuhi perundungan yang ditetapkan.

“KPDN ingin menegaskan bahawa kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terbabit akti viti penyelewengan barang kawalan,” katanya.

Raid on suspected illegal LPG wholesaler

PUTRAJAYA: A premises in Sungai Lalang Industrial Area, Sungai Petani in Kedah was raided by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry on May 5 due to reports of it being used as an illegal storage and distribution centre for liquefied petroleum gas (LPG).

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the raid was conducted following complaints from the public about underweight LPG cylinders.

"Some 675 empty cylinders of various brands were found in two lorries and racks.

"Initial investigations found the premises did not have a valid wholesale or retail licence under the Control of Supplies Act 1961."

Enforcement officers seized 94 units of 14kg and 12kg gas cylinders, a lorry and several business documents.

The total value of the seizure is estimated to be RM23,000 and the 42-year-old owner of the premises was detained to assist in the investigation. – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Harga bahan ruji, barang keperluan dijangka naik

PETALING JAYA: Maybank Investment Bank (Maybank IB) tidak menolak kemungkinan berlakunya kenaikan harga bahan ruji serta barang keperluan pengguna disebabkan tekanan berterusan terhadap keuntungan kesan daripada peningkatan kos pengeluaran dan operasi.

Menurut firma penyelidikan itu, pengguna juga dijangka berbelanja dengan lebih berhati-hati pada tahun ini.

Katanya, pengilang makanan dan minuman seperti Nestle Malaysia Bhd. telah melaksanakan kenaikan harga sekurang-kurangnya lima peratus ke atas produk mereka sebelum ini.

"Langkah itu dikaitkan dengan tekanan kos berterusan daripada bahan mentah seperti koko, kopi dan gandum serta tukaran mata wang asing yang semakin lemah," katanya dalam satu nota kajian.

Maybank IB berkata, bagaimanapun, peningkatan pendapatan boleh guna dalam kalangan pengguna mungkin berlaku berdasarkan pengumuman terkini mengenai langkah sokongan kewangan negara.

Jelasnya, pengenalan akaun 3 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (boleh diakses mulai 11 Mei 2024 dan

seterusnya) membolehkan 10 peratus daripada caruman bulanan dikeluarkan pada bila-bila masa.

"Keadaan ini dijangka meningkatkan jumlah perbelanjaan pengguna secara beransur-ansur dan kebanyakannya tertumpu kepada barang keperluan harian dalam kategori perumahan, utiliti serta makanan dan minuman.

"Kami percaya bahawa impak positif yang lebih besar kepada pendapatan boleh guna akan timbul daripada cadangan kerajaan untuk menaikkan gaji penjawat awam melebihi 13 peratus berkuat kuasa Disember 2024," katanya.

Maybank IB berkata, secara keseluruhan sektor itu akan mengalami aliran jualan yang lebih tinggi hasil daripada penambahbaikan kepada pendapatan boleh guna dalam kalangan pengguna.

Katanya, pilihan utama dalam sektor itu ialah Aeon Co (M) Bhd didorong pendapatan berdaya tahan daripada perkhidmatan pengurusan harta tanahnya, dengan potensi peningkatan dalam pertumbuhan jualan runcit apabila sentimen pengguna bertambah baik.

Firma penyelidikan itu mengekalkan pandangan positif terhadap sektor itu.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 10 MEI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
10-May	KPDN serbu stor haram simpan LPG	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1088557/kpdn-serbu-stor-haram-simpan-lpg#google_vignette	HARIAN METRO
10-May	KPDN rampas 94 unit tong gas bernilai RM23,000	https://www.malay.news/kpdn-rampas-94-unit-tong-gas-bernilai-rm23000/	MALAY NEWS
10-May	Chocs labelled 'No Palm Oil' seized in Labuan	https://www.dailyexpress.com.my/news/233849/chocs-labelled-no-palm-oil-seized-in-labuan/	DAILY EXPRESS
10-May	KPDN Miri seizes controlled items worth RM1,832 in Tudan	https://www.theborneopost.com/2024/05/09/kpdn-miri-seizes-controlled-items-worth-rm1832-in-tudan/	THE BORNEO POST
10-May	Permohonan kad diskau khas Menu Rahmah di Kelantan hambar	https://www.utusan.com.my/berita/2024/05/permohonan-kad-diskau-khas-menu-rahmah-di-kelantan-hambar/	UTUSAN MALAYSIA
10-May	Only one non-subsidised petrol station approved in Kelantan for now, says state KPDN director	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/05/1048397/only-one-non-subsidised-petrol-station-approved-kelantan-now-says-state	NEW STRAITS TIMES
10-May	Imigresen, KPDN serbu lokasi PATI meniaga	https://www.sinarharian.com.my/article/663875/berita/semasa/imigresen-kpdn-serbu-lokasi-pati-meniaga	SINAR HARIAN
10-May	KPDN GAGALKAN PENYELEWENGAN LPG BERSUBSIDI	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2295887	BERNAMA
10-May	KPDN serbu stor haram simpan, edar LPG	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1088586/kpdn-serbu-stor-haram-simpan-edar-lpg	HARIAN METRO
10-May	KPDN gagalkan penyelewengan LPG bersubsidi	https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-gagalkan-penyelewengan-lpg-bersubsidi-HE12434993	THE SUN
10-May	KPDN sita 94 unit tong gas dalam serbuan stor haram	https://www.sinarharian.com.my/article/663828/berita/semasa/kpdn-sita-94-unit-tong-gas-dalam-serbuan-stor-haram	SINAR HARIAN
10-May	KPDN rampas 94 unit tong gas bernilai RM23,000	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/kpdn-rampas-94-unit-tong-gas-bernilai-rm23000/	UTUSAN MALAYSIA